

PENSIJILAN HALAL MALAYSIA, CABARAN DAN POTENSINYA SEBAGAI HUB HALAL

(Malaysian Halal Certification, Challenges and Potentials as Halal Hub)

¹ BAHARUDIN OTHMAN
² NURUL HUDANI MD. NAWI

¹ Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Beg Berkunci No. 12 89009
Keningau, Sabah, Malaysia

² Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota
Kinabalu, Sabah, Malaysia

ABSTRAK

Malaysia telah meletakkan namanya di pesada antarabangsa melalui pengiktirafan yang diberikan dengan menduduki tempat pertama daripada 15 negara dalam status hab halal bagi tiga sektor penting iaitu makanan halal, kewangan dan pelancongan berlandaskan prinsip Islam berasaskan laporan *State of The Global Islamic Economy* 2015/2016. Malah eksport produk halal juga telah mencecah RM43 bilion berbanding jumlah pasaran produk halal dunia yang dianggarkan sebanyak AS6.4 trilion (kira-kira 26.67 trilion) pada tahun 2018. Oleh kerana peningkatan yang begitu ketara, maka penulisan ini bertujuan untuk memahami sejauh mana pelaksanaan pensijilan halal di Malaysia, cabaran dan potensinya sebagai hab halal. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif melalui kajian keperustakaan dengan merujuk kepada tesis, jurnal, akhbar dan juga buku-buku ilmiah yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian. Berdasarkan analisis yang dijalankan penulis mendapati dua isu utama yang dapat dirumuskan iaitu (1) sistem MYeHalal dan (2) potensi serta keupayaan Malaysia sebagai hab halal telah diulas dalam penulisan kertas konsep ini.

Kata kunci: Pensijilan halal; potensi; hab halal

ABSTRACT

Malaysia has made its name in the international market through recognition given by ranking 15 out of 15 countries in halal hub status for three sectors namely halal food, finance and Islamic tourism according to State of The Global Islamic Economy Report 2015/2016. This is also evident when the value of Malaysia's halal food industry has reached RM7 billion a year compared to the global market value of RM12 trillion over the same period. The purpose of this paper is to understand the extent of the implementation of halal certification in Malaysia and its potential as a halal hub. The methodology used in this study is a qualitative method through a library study with reference to theses, journals, newspapers and even scholarly books related to the subject of the study. Based on the analysis conducted the authors found that (1) the MYeHalal system, and (2) the potential and capabilities of Malaysia as a halal hub have been discussed in this concept paper.

Keywords: *Halal certification; potential; halal certification*

PENGENALAN

Pengesahan halal kini telah menjadi keutamaan di kebanyakan negara dalam memastikan makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang benar-benar halal, berkualiti, selamat serta bebas dari unsur *syubhah* (kurang diyakini) yang diterjemahkan melalui perakuan, surat atau sijil. Sijil Halal merupakan dokumen atau perakuan rasmi yang dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti di negara berkenaan atau badan Islam berkaitan untuk mengesahkan sesuatu produk itu adalah mengikut piawaian dan garis panduan halal haram yang ditetapkan dalam Islam (Mohd Amri & Suhaimi 2012).

Pengiktirafan pengesahan pensijilan halal Malaysia telah melonjakkan nama Malaysia ke persada antarabangsa. Ini diakui sendiri oleh negara luar seperti Korea Selatan yang mengakui Malaysia bukan sahaja terkenal dengan kredibilitinya di mata dunia dalam konteks pensijilan halal tetapi juga kedudukannya yang strategik dalam memasarkan produk ke peringkat antarabangsa (Fazrina 2013) lantas menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang pelopor dan menjadi model rujukan dunia. Manakala pengiktirafan dalam kalangan industri tempatan pula keupayaan pensijilan halal adalah sebaris dengan agensi atau institusi lain berdasarkan kesungguhan, komitmen dan inovasi seperti Malayan Banking Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Hong Leong Bank dan sebagainya melalui Anugerah SME Sahabat Negara Award 2013 oleh *Small and Medium Enterprises (SME) Association of Malaysia* (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2013)

Kejayaan demi kejayaan serta pengiktirafan terhadap Malaysia sebenarnya adalah timbal balik daripada usaha dalam memperkukuhkan pengurusan halal di negara ini sejak empat puluh tahun yang lalu lagi. Penglibatan Malaysia bukan sahaja dalam pembangunan industri halal tetapi juga mencakupi pelbagai aspek seperti pembangunan standard, promosi, hab halal bagi produk makanan, barangan gunaan, farmaseutikal dan kulit serta logistik dan yang paling penting ialah kewibawaannya dalam pengesahan pensijilan halal Malaysia.

Tambahan, ia agak berbeza berbanding negara-negara lain di mana pensijilan halal di Malaysia yang dikeluarkan oleh JAKIM dan MAIN tidak menjadikan pemberian sijil halal sebagai suatu bentuk persaingan dalam perniagaan, tetapi hanya bertindak sebagai badan yang mengesahkan status halal sesuatu produk (Bonne et al. 2007) bertujuan untuk membantu pengguna mendapatkan produk yang halal, selamat dan berkualiti di samping mengelakkan mereka daripada menjadi mangsa penyelewengan serta penipuan pihak yang tidak bertanggungjawab (Ahmad Hidayat & Zulzaidi 2012).

METODOLOGI

Metodologi yang digunakan dalam makalah ini adalah kaedah kualitatif melalui kajian keperustakaan dengan merujuk kepada tesis, jurnal, dada-dada akhbar dan juga buku-buku ilmiah yang mempunyai kaitan dengan makalah ini.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Pelaksanaan Pensijilan Halal di Malaysia

Dalam merealisasikan Malaysia sebagai Hab Halal dunia, pembangunan industri halal khususnya pengesahan pensijilan halal telah berkembang sejajar dengan tuntutan semasa malahan kerajaan Malaysia melalui JAKIM yang terlibat secara khusus dalam pensijilan halal di Malaysia juga telah melaksanakan transformasi.

Pada 2 April 2008, Kerajaan memutuskan supaya pengurusan halal diswastakan dan dilaksanakan secara bersepadu oleh Perbadanan Pembangunan Industri Halal serta menggunakan logo Halal Malaysia yang telah diperkenalkan pada tahun 2003. Bagaimanapun mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 telah memutuskan supaya pengurusan pensijilan Halal Malaysia dalam dan luar negara diselaraskan kembali oleh JAKIM. Bagi mengupaya dan memperkasakan inisiatif-inisiatif pembangunan halal secara holistik dalam mencorakkan lonjakan baru Halal Malaysia di persada dunia, maka Majlis Halal Malaysia telah ditubuhkan pada 2018 sebagai satu entiti penyelarasan halal di Malaysia dan JAKIM bertindak sebagai sekretariat.

Penyelarasan Pensijilan Halal Malaysia

Pada peringkat awal pelaksanaan pensijilan halal di Malaysia, pengeluaran logo dan kaedah pengeluaran sijil adalah berbeza di antara negeri (Laporan Bengkel Penyelarasan Isu-isu Pelaksanaan Pensijilan Halal Bersama antara JAKIM dan JAIN/MAIN 2010). Kebanyakan negeri, penstrukturan organisasi bagi pensijilan halal adalah diletakkan di bawah Bahagian Penyelidikan dan ini berbeza dengan JAKIM yang telah mewujudkan bahagian khusus berkaitan halal. Misalnya, bagi Negeri Sabah jawatankuasa khas ditubuhkan sebagai sokongan kepada pengurusan halal negeri dinamakan Makanan Gunaan Islam (MGI) yang terdiri dari pelbagai agensi kerajaan dan badan berkanun. Bagi sesetengah negeri seperti Negeri Johor, Selangor, Perlis, Kedah, Melaka ianya diletakkan khusus di bawah Bahagian Penyelidikan Jabatan Hal Ehwal Negeri Islam. Namun, ianya telah berubah sedikit demi sedikit hasil usaha penyeragaman pensijilan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) pada 2010. Penyeragaman ini telah berjaya menyelaraskan penggunaan sijil, logo, standard dan prosedur pensijilan halal. Bagi memastikan kelestariannya, Bahagian Pengurusan Halal Jakim distrukturkan semula pada Disember 2018.

Melalui penyelarasan ini, pengurusan pensijilan halal tidak lagi dilakukan secara manual bahkan menggunakan sistem MYeHALAL secara atas talian melalui beberapa modul utama. Sistem MYeHALAL secara berpusat ini akan mengasingkan permohonan mengikut lokasi kilang beroperasi. Sijil halal Malaysia akan dikeluarkan oleh JAKIM setelah diluluskan oleh Panel Pengesahan Halal di negeri-negeri.

Sistem MYeHALAL

Penggunaan Teknologi Maklumat sebagai serampang banyak mata dalam penyelesaian isu dan pengurusan Hal ehwal Islam Malaysia mampu menjana sumber ekonomi yang amat besar dan lestari (sustainable), meningkatkan secara mendadak kualiti dan jangkauan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dalam sektor agama Islam di samping dapat menangani isu-isu besar hal ehwal Islam secara berkesan dan berterusan yang jangkauannya melibatkan semua golongan rakyat.

MYeHALAL merupakan sistem aplikasi Pensijilan Halal Malaysia yang meliputi seluruh Negara. Ia boleh dipromosikan ke peringkat antarabangsa dari segi pengalaman kepakaran pembangunan aplikasi ICT untuk pensijilan Halal, terutamanya ke negara-negara Islam. Sistem aplikasi MYeHALAL ini telah pun merangkumi proses-proses dan standard Halal Malaysia secara menyeluruh. Malaysia merupakan satu- satunya

negara di dunia di mana kerajaannya mengawal dan menguruskan pensijilan halal secara langsung dan menyeluruh. MYeHALAL berpotensi untuk dipasarkan sebagai pakej aplikasi lengkap pengurusan pensijilan Halal ke negara-negara Islam lain di seluruh dunia, sekali gus mempromosi dan meletakkan Halal Malaysia sebagai standard *de facto* Halal global. Ini memandangkan Malaysia telah mempunyai asas yang kukuh dalam bentuk aplikasi MYeHALAL yang mengandungi pangkalan data menyeluruh dan terkini mengenai Halal Malaysia melalui pengiktirafan MYeHALAL dengan mendapat Johan dalam Anugerah Inovasi JPM 2014 bagi Kategori Teknologi Maklumat melalui projek *Halal Square & Halal Inside*.

Tatacara permohonan sijil halal telah diubah secara elektronik apabila JAKIM membangunkan MYeHALAL iaitu sistem permohonan pensijilan halal secara atas talian dan Portal Halal pada tahun 2005 secara *outsourcing* oleh syarikat yang dilantik. Ia mula digunakan di JAKIM Ibu Pejabat pada bulan Januari 2007 serta diperluaskan penggunaannya ke Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka dan Sabah mulai tahun 2010 secara berperingkat dan mulai Januari 2013 penggunaan sepenuhnya telah meliputi semua negeri di Malaysia (Kertas makluman penambahbaikan pensijilan halal Malaysia 2013).

Sistem MYeHALAL dan Portal Halal telah menjalani beberapa peningkatan fungsi sistem dari tahun 2005 hingga 2011 (Jabatan Akauntan Negara dan JAKIM 2012). Aplikasi MYeHALAL ditadbir dan diletakkan di pusat data JAKIM yang mengandungi modul utama iaitu untuk kakitangan (semakan permohonan, pemeriksaan audit lapangan, panel pensijilan, pemantauan dan laporan statistik), pemohon (manual permohonan sistem e-halal, maklumat syarikat) dan pengguna (berita, maklumat pensijilan, direktori halal Malaysia) (Kertas Pembentangan Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2013).

Di samping itu, bagi memastikan hubungan kerjasama berterusan dan mengelakkan jurang kepakaran berkaitan pensijilan antara negeri-negeri, JAKIM membantu JAIN dalam memastikan pensijilan halal bagi produk yang memerlukan kepakaran yang tinggi dan skim pensijilan baru seperti produk kosmetik, farmaseutikal dan logistik. Pada dasarnya, JAKIM akan menumpukan lebih kepada aspek pembangunan dasar dan prosedur, penyelarasan di antara negeri-negeri, hubungan industri dan juga hubungan antarabangsa.

JAKIM sebagai penyelar utama di peringkat agensi pusat sentiasa bekerjasama dengan agensi lain seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan

(KPDNKK) dalam meningkatkan keupayaan negeri dalam pensijilan samada melalui keupayaan sumber mahupun teknologi.

Pengurusan pensijilan halal bersama ini telah menimbulkan reaksi yang berbeza peringkat awal pelaksanaannya apatah lagi ianya melibatkan industri terutama dalam mempercepatkan proses pengeluaran pensijilan halal di peringkat negeri khususnya negeri yang menjadi tumpuan industri disebabkan keupayaan sumber yang terhad di JAIN.

Kerjasama Strategik Bersama Agensi Berkaitan

Malaysia adalah satu-satunya negara yang mana pengesahan pensijilan dilaksanakan oleh kerajaan berbanding dengan negara-negara lain yang kebanyakannya badan sukarela atau separa kerajaan. Oleh itu, dalam meningkatkan kredibiliti Malaysia dalam pensijilan halal, rangkaian kerjasama telah dibina dan fokus utama bukan sahaja dalam pensijilan tetapi kerjasama secara holistik. Ini memandangkan setiap agensi mempunyai peranan masing-masing dalam pembangunan industri halal yang mampan di Malaysia.

1. Peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pada peringkat awal pelaksanaannya menyelaras aktiviti berkaitan halal sesuatu produk dan barangan gunaan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa yang merangkumi penyelarasan prosedur halal, persefahaman dengan badan-badan Islam luar negara dan mengadakan kerjasama melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan dengan berbagai agensi. Perkembangan halal yang begitu pantas yang bukan sahaja pada premis makanan, produk makanan dan barangan gunaan bahkan lebih daripada itu seperti farmaseutikal, logistik dan sebagainya telah mendesak perbincangan demi perbincangan di kalangan agensi samada di peringkat jawatankuasa negeri dan pusat.

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Mengkaji Makanan dan Barang Gunaan pada 22 Mei 1992, 6 April 1996 dan 6 November 1996 dan Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia kali ke 59 dan persetujuan hasil daripada kunjungan hormat dan taklimat yang diadakan kepada Majlis Agama Islam Seluruh Malaysia sepanjang tahun 2009 hingga 2011 (Kertas Cadangan Mekanisme Penyeragaman Pensijilan Halal Malaysia Antara Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2012) serta rumusan isu penyelarasan antara negeri (Laporan Bengkel Penyelarasan Isu-isu Pelaksanaan Pensijilan Halal Bersama antara JAKIM dan JAIN/MAIN 2010)

2. Peranan Majlis Agama Islam Negeri/Jabatan Agama Islam Negeri

Isu berkaitan agama di Malaysia adalah unik di mana negeri-negeri mempunyai bidang kuasa dalam menentukan perkara-perkara berkaitan agama Islam sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Justeru, penyeragaman pensijilan hanyalah melibatkan prosedur pensijilan dan proses kerja dalam pengeluaran dan pemantauan sijil halal. Ianya tidak akan menyentuh kuasa sultan/raja-raja sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing.

3. Perbadanan Pembangunan Industri Halal

Pembangunan Halal telah menjadi penyumbang utama kepada semua aspek pertumbuhan ekonomi melalui kerjasama agensi berkaitan samada badan berkanun mahupun swasta termasuklah Perbadanan Pembangunan Industri Halal melalui penubuhannya pada 18 September 2006.

Pengurusan halal yang telah diswastakan dan dipertanggungjawabkan serta dibuat secara bersepadu kepada Perbadanan Pembangunan Industri Halal pada 2 April 2008 telah memperlihatkan beberapa usaha dalam memperkukuh industri halal. Walau bagaimanapun Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 telah memutuskan supaya pengurusan pensijilan Halal Malaysia dalam dan luar negara diselaraskan kembali oleh JAKIM sebagai agensi agama di bawah kerajaan yang bertanggungjawab dalam penyelarasan berkaitan hal ehwal agama Islam di Malaysia.

Kini penumpuan Perbadanan Pembangunan Industri Halal tidak lagi pada pengurusan pensijilan tetapi lebih kepada menggalakkan penyertaan dan memudahkan pertumbuhan syarikat Malaysia di pasaran halal global. Dengan memupuk pertumbuhan dan penyertaan perniagaan tempatan ke pasaran halal global, Perbadanan Pembangunan Industri Halal menetapkan bar (indikator) untuk amalan terbaik Halal di Malaysia bagi memperkayakan pembangunan piawai Halal global. Perbadanan Pembangunan Industri Halal juga turut diberi tanggungjawab dalam membangun, mempromosi dan memasarkan jenama Halal Malaysia.

Cabaran Malaysia sebagai Hab Halal

Dalam merealisasikan Malaysia sebagai Hab Halal Dunia, pelbagai cabaran sudah tentunya dihadapi di samping potensinya di mata dunia seiring perkembangan teknologi yang begitu pantas ditambah persaingan ekonomi semasa. Pada masa yang sama juga perlu dilihat kepada potensi Malaysia dalam industri halal. Cabaran utama ialah:

1. Kepelbagaian Piawaian Halal di Peringkat Global.

Pelaksanaan piawaian halal di peringkat global adalah berbeza antara satu sama lain (Van der Spiegel et al. 2012). Ini bukan sahaja berdasarkan standard yang digunakan tetapi melibatkan aliran mazhab dan keadaan sesebuah negara itu sendiri dengan turut mengambil kira taburan penduduk berdasarkan agama dan sebagainya. Dalam pensijilan halal Malaysia sendiri, pendapat mazhab yang berbeza diguna pakai namun dalam sesetengah perkara keutamaan adalah berdasarkan pandangan Mazhab Syafie. Ini sekaligus memberi tamparan yang hebat kepada pihak industri terutama melibatkan produk yang diimport dari luar negara.

2. Peningkatan produk *Original Equipment Manufacturer* (OEM)

Dunia hari ini menyaksikan pelbagai produk keluaran syarikat bertambah dari masa ke semasa. Ada kalanya syarikat berlainan membuat pengilangan di kilang yang sama (contract manufacturing). Berdasarkan kepada piawaian halal yang digunakan di Malaysia, sesuatu produk yang diproses hendaklah *dedicated plant* iaitu tiada percampuran di antara bahan halal dan haram dalam semua peringkat penghasilan produk halal seperti yang terkandung dalam klausa 4.4, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014. Keadaan ini memerlukan penelitian yang teliti oleh pihak industri agar tiada wujud penghasilan produk yang tidak menepati hukum syarak. Dalam pensijilan halal Malaysia sendiri sekiranya wujud pelanggaran piawaian halal misalnya kilang A menghasilkan produk Z yang telah dipastikan halal dan pada masa yang sama turut menghasilkan produk Y yang mempunyai kandungan atau unsur haram, ia akan turut memberi kesan kepada produk Z berdasarkan beberapa keperluan yang perlu dipatuhi dalam pensijilan halal Malaysia

3. Pelaksanaan 1 logo, 1 sijil, 1 sistem, 1 standard dan 1 peraturan

Pelaksanaan pensijilan halal di Malaysia adalah agak unik. Ini memandangkan perkara berkaitan hal ehwal agama Islam di negeri adalah di bawah bidang kuasa negeri. Tempoh pelaksanaan secara berasingan yang agak lama sehinggalah wujudnya penyeragaman pada tahun 2012 mendesak gerak kerja berlipat ganda oleh pihak berautoriti dalam pensijilan halal Malaysia yang terdiri daripada JAKIM dan MAIN/JAIN. Apatah lagi wujudnya jurang yang agak ketara di antara JAKIM dan negeri-negeri dari segi kakitangan, kepakaran dan fasiliti di samping permohonan yang berlipat ganda yang perlu diproses oleh negeri berkaitan.

4. Penglibatan dan kesedaran penggunaan logo halal

Malaysia sebagai sebuah negara yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama tidak pernah membezakan penduduk dari segi perhubungan perdagangan mahupun sosial. Dalam konteks pemilikan sijil halal sendiri didapati 70 peratus pemilikan sijil halal adalah dalam kalangan bukan bumiputera (Mukhriz 2011). Ini memandangkan permohonan pengesahan halal bukan menjadi satu kewajipan atau peraturan mandatori kepada mana-mana pihak atau industri bahkan ianya berbentuk sukarela. Sebaliknya ianya akan menjadi mandatori kepada pengusaha dalam mempamerkan sijil dan logo halal sekiranya permohonan mereka telah diluluskan oleh pihak berautoriti (Akta Perihal Dagangan 2011). Dalam hal ini cabaran bagi pihak industri ialah keupayaan dalam organisasi itu sendiri dari segi pengetahuan, sikap dan kepekaan terhadap polisi semasa kerajaan dalam proses pelaksanaan yang lebih berintegriti kerana ia ianya melibatkan hukum syarak.

Di samping cabaran-cabaran yang dihadapi, Malaysia juga mempunyai potensi besar dalam industri halal:

1. Peneraju Piawaian Halal Antarabangsa

Industri halal kini bukan sahaja tertumpu kepada bidang kewangan dan pelaburan Islam tetapi ia merangkumi semua termasuk makanan, barang gunaan, produk farmaseutikal, logistik dan sebagainya. Bagi pensijilan halal Malaysia sendiri, ia kini menjadi rujukan dunia terutama organisasi yang terlibat dalam pensijilan halal. Misalnya, pelbagai standard halal baru telah dikeluarkan dan menjadi panduan kepada industri dan hasilnya pada tahun 2013, melalui standard Halal *MS2424: Pharmaceuticals – General Guidelines*, syarikat multinasional CCM telah diberikan sijil halal pertama berdasarkan keperluan standard tersebut.

Di samping itu, keadaan ini disokong oleh pengiktirafan negara serantau MABIMS yang melantik Malaysia sebagai penyelaras dalam Jawatankuasa Teknikal Bidang Khas Pembangunan Halal Negara Anggota MABIMS, memberi khidmat kepakaran berkaitan standard halal dalam kalangan Negara Pertubuhan Islam (OIC) seperti Sudan serta sebagai medan perbincangan dan berdiskusi berkaitan halal melalui beberapa siri perjumpaan yang dianjurkan di negara ini khususnya bagi badan-badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM. Justeru, ia dilihat sebagai langkah terbaik dalam mengkoordinasikan piawaian halal sejagat.

2. Pelopor industri berteraskan halal

Kewujudan piawaian halal yang disokong oleh proses dan gerak kerja yang bersepadu dari pelbagai agensi terutama kerajaan memberi kelebihan kepada industri halal di Malaysia. Ia juga selaras dalam memenuhi ekonomi halal global di mana potensinya mencecah USD2.1 trillion seperti yang dilaporkan dalam Euromonitor reports, FAOSTAT (Perbadanan Pembangunan Industri Halal 2013). Bahkan pengeksportan produk halal oleh Malaysia sendiri ke sepuluh buah negara (China, Singapore, Indonesia, Amerika Syarikat, Filipina, Belanda, Thailand, Jepun, Korea selatan dan India) telah mencecah RM32 billion sepanjang tahun 2012.

Berbeza dengan hasil kajian Pazim, Irfan dan Wan Sabri (2009) yang melihat potensi halal secara holistik dengan mengambilkira *supply chain* dan polisi kerajaan dan mendapati keutamaan seharusnya juga diberikan terhadap jalinan atau rangkaian strategik dengan negara luar seperti ASEAN yang mempunyai kelebihan dari segi sumber alam, buruh dan kepakaran di samping keupayaan negara luar dalam aspek tertentu seperti pengeluaran bahan asas atau daging dengan membuat perbandingan 'cost-price' di samping memperkukuhkan keselamatan produk, kualiti, pengesanan dan sistem jaminan halal.

Namun begitu, dalam hal ini Malaysia turut menekankan konsep amalan ekonomi halal yang bertepatan dengan syarak. Ia sesuai dengan ciri-ciri yang disarankan oleh Abd. Rasyid (1984) iaitu menggunakan daya pengeluaran dalam bidang aktiviti yang halal; penggunaan daya pengeluaran yang secukupnya bagi memenuhi keperluan asas manusia, pembangunan ekonomi yang sepadu, amal (kerja) sebagai penentu hak milik perseorangan individu dan penggunaan keluaran mengikut keperluan. Malahan ekonomi Islam sendiri sangat menekankan dan mensyaratkan barangan dagangan mempunyai manfaat menurut syariah Islam menurut keutamaan yang dibahagikan mengikut kategori *daruriyyat*, *hajiyat*, *kamaliyyat* dan *tahsiniyyat* seperti yang pernah dinyatakan oleh Ibn Khaldun dan beberapa ahli-ahli fiqh sekaligus menyokong bahawa sebenarnya logo halal tidak terhad berfungsi dalam pensijilan sahaja, malah lebih daripada itu mampu mengawal gelagat pengguna dan pengeluar barangan supaya masing-masing menggerakkan aktiviti ekonomi yang bermanfaat untuk memenuhi keperluan kehidupan (Lokman 2012).

3. Pusat Latihan Kepakaran Halal

Pengiktirafan Malaysia dilihat bukan sahaja di kalangan serantau tetapi melangkaui lebih daripada itu. (Rozailin et al. 2013) dalam kajiannya berkaitan perspektif pengilang negara OIC terhadap Malaysia sebagai global Halal Hab mendapati faktor

seperti pengetahuan Malaysia dalam industri halal, keyakinan dan kedudukan Malaysia dalam *Organization of Islamic Cooperation* (OIC), motivasi dalam pematuhan halal dan potensi pasaran telah melonjakkan penerimaan Malaysia sebagai global Halal Hab. Justeru, berbekalkan pengetahuan piawaian halal yang mencakupi pelbagai kategori samada makanan, barang gunaan, farmaseutikal, logistik dan sebagainya memberi keyakinan bidang halal di Malaysia. Keyakinan bahawa Malaysia mampu menjadi pusat pertemuan dan rujukan standard halal dunia melalui kesediaan badan-badan pensijilan halal luar negara menghadirkan diri dan berkongsi pengetahuan dalam pertemuan tahunan.

4. Pelopor Sistem Teknologi Halal

Dunia hari menyaksikan bagaimana kejayaan sesebuah organisasi perlu seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Dalam industri halal di Malaysia sendiri, ia bermula dengan kaedah manual sehinggalah ia bergerak melalui sistem atas talian 'MYeHALAL' dan kini telah mendapat pengiktirafan pelbagai pihak termasuklah industri perusahaan kecil sederhana. Contohnya, sistem ini telah mendapat Anugerah SME Sahabat Negara Award 2013 di atas usaha inovasi yang dijalankan. (Baharudin 2016). Bagi rangkaian di peringkat global kerajaan Malaysia telah bekerjasama dengan agensi swasta dalam membina teknologi berkaitan halal. Buktinya melalui sistem *New Field Communication* (NFC) yang diintegrasikan bersama ciri-ciri yang terdapat dalam sijil halal, pengguna dapat mengesan premis halal dalam jarak yang lebih dekat dengan menggunakan telefon pintar. Di samping itu, *Halal Verification Engine* (HVE) yang mampu mengakses data maklumat produk halal dalam dan luar negara juga telah mendapat perhatian dunia.

Kini JAKIM telah melonjak ke depan dengan penubuhan Malaysia Halal Analysis Centre (My Hal) di mana beberapa kaedah analisis halal telah dibangunkan bersama Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), UPM. Penubuhan MyHAL ini dapat membantu proses pensijilan halal supaya dapat dilaksanakan dengan cekap dan sekaligus membuktikan kerajaan mengutamakan pelaksanaan dan pencapaian dalam pembangunan Islam peringkat global.

Senario Pengilang di Malaysia

Malaysia yang ke depan dalam industri halal bergerak seiring dalam semua perkara bukan sahaja melibatkan pihak pengeluar pensijilan, pengguna akhir tetapi juga pengguna kepada perkhidmatan pensijilan halal yang dibekalkan oleh pihak berautoriti. Perubahan demi perubahan dilalui oleh pengilang di Malaysia yang terpaksa berhadapan dengan tuntutan semasa seperti prosedur dan peraturan yang

diguna pakai, proses kerja mahupun keputusan-keputusan berkaitan hukum syarak yang mesti dipatuhi.

Dalam pensijilan halal sendiri, kepekaan terhadap perubahan penggunaan logo serta peruntukan yang berkaitan memerlukan pemahaman yang jelas dan menyeluruh. Walaupun permohonan pensijilan halal di Malaysia adalah berbentuk sukarela, namun statistik telah menunjukkan peningkatan yang mendadak dari tahun ke tahun berdasarkan kepada jumlah permohonan yang mendapat pengesahan sijil halal Malaysia pada tahun 2007, jumlah pensijilan halal bagi kategori produk adalah sebanyak 890 dan telah mencecah 4,074 pada 2015 (Baharudin 2016).

Permohonan pensijilan halal di Malaysia juga tiada sempadan atau terhad kepada pihak tertentu sahaja samada khusus kepada agama mahupun bangsa tertentu. Bahkan ia bersifat menyeluruh selagi ia menepati piawaian halal yang digunakan. Keadaan ini disokong oleh data yang menunjukkan tujuh puluh peratus pemilik sijil halal adalah dalam kalangan bukan bumiputera (Mukhriz 2011).

KESIMPULAN

Industri makanan halal kini telah mengalami kepesatan global dan berkembang dengan begitu pantas sekali, yang bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia. Ia sejajar dengan pertambahan populasi penduduk Muslim dunia pada 2014 yang telah mencecah 1.7 bilion dan dijangka akan terus bertambah kepada 2.2 billion menjelang 2030. Fenomena ini juga disokong dengan penglibatan yang amat ketara oleh pelbagai pihak khususnya pengamal industri halal. Dengan perkembangan tersebut juga, isu berkaitan pensijilan halal di Malaysia mula dititikberatkan bagi memastikan sesuatu produk yang dikeluarkan adalah benar-benar memenuhi keperluan halal dan mampu mengekalkan status pengesahan halal yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dalam pensijilan halal.

Pemahaman terhadap konsep makanan yang bukan sahaja tertumpu kepada halal tetapi lebih daripada itu termasuk kebersihan, keselamatan dan proses dalaman yang diperlukan dalam membantu pelbagai pihak dalam merealisasikan Malaysia sebagai rujukan kepada badan pensijilan halal lain di dunia. Perkara berkaitan piawaian halal seperti akta, standard dan peraturan memerlukan penelitian yang mendalam bukan sahaja pihak autoriti tetapi juga pihak berkepentingan khususnya industri yang diterjemahkan melalui tindakan yang tepat bagi melancarkan pensijilan halal di Malaysia. Ini memandangkan pembangunan industri halal di Malaysia adalah bergerak bersepadu dan saling bergantung antara satu sama lain.

RUJUKAN

- Abdul Manaf Bohari, Cheng Wei Hin & Nurwahida Fuad. 2013. An analysis on the competitiveness of halal food industry in Malaysia: An approach of SWOT and ICT strategy. *Malaysia Journal of Society and Space* 9 (1): 1-11. <http://www.ukm.my/geografia/v2/index.php?>
- Abdul Rahman Abu Bakr As-Suyuti. t.th. *al-Jaami' al-Saghir*: 5272. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abdul Rasyid Dail. 1984. *Prinsip Ekonomi Islam*. Selangor: Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah.
- Ahmad Hidayat Buang & Zulzaidi Mahmud. 2012. Isu dan cabaran badan pensijilan halal di Malaysia. *Jurnal Syariah* 20 (3): 271-288.
- Akta Perihal Dagangan 2011. 2011. Percetakan Nasional Berhad. Kuala Lumpur.
- Baharudin Othman & Syahriah Yatim Mustafa. 2012. *Penjelasan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Kedua) 2011*. Seminar Auditor Halal Peringkat Kebangsaan 2012, 21 Mac 2012, Hotel Grand Season, Kuala Lumpur.
- Baharudin Othman. 2016. Pengaruh pengurusan pensijilan halal, modal insan dan amalan piawaian halal terhadap prestasi organisasi dalam industri makanan halal di Malaysia: peranan saiz organisasi sebagai moderator. Tesis PhD, Universiti Malaysia Sabah.
- Barney, J. 1991. Firm resources and sustained competitive advantage. *Journal of Management* 17(1): 99-120.
- Baron, R.M. & Kenny, D.A. 1986. The moderator-mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology* 51(6):1175-1182.
- Bartlett, J.E., Kotrlík, J.E & Higgins, C.C. 2001. Organizational research: Determining appropriate sample size in survey research. *Information Technology, Learning and Performance Journal* 19(1):43-50.
- Behling, O. & Law, K. S. 2000. *Translating Questionnaires and Other Research Instruments: Problems and Solutions*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Bennett, J.A. 2000. Mediator and moderator variables in nursing research: Conceptual and statistical differences. *Research in Nursing and Health* 23: 415-420.

- Bonne, K., Vermeir, I., Bergeaud-Blackler, F. & Verbeke, W. 2007. Determinants of halal meat consumption in France. *British Food Journal* 109 (5): 367-386. <http://hdl.handle.net/1854/LU-378189>.
- Boyer, K. K. and Lewis & M. W. 2002. Competitive priorities: Investigating the need for trade-off in operations strategy. *Production and Operations Management* 11(1): 9-20.
- Fazrina Ayu Raduian. 2013. Malaysia pilihan Korea. *Utusan Malaysia*, Mac 7, 2013. Ekonomi seksyen.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2013. Hab Halal Jakim Dianugerahkan SME Sahabat Negara Award 2013. *SME Recognition Award 2013*, 13 Disember.
- Kertas Cadangan Mekanisme Penyeragaman Pensijilan Halal Malaysia Antara Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2012. Pembentangan Kertas Cadangan Mekanisme Penyeragaman Pensijilan Halal Malaysia Antara Majlis. Agama Islam Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 25 November.
- Kertas Makluman Penambahbaikan Pensijilan Halal Malaysia. 2013. Kertas Makluman Penambahbaikan Pensijilan Halal Malaysia. *Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Halal Bil.1 2013*. 16 Julai.
- Kertas Pembentangan Anugerah Inovasi. 2013. Modul MYeHALAL. *Kertas Pembentangan Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2013*. 13 November.
- Laporan Bengkel Penyelarasan Isu-isu Pelaksanaan Pensijilan Halal Bersama antara JAKIM dan JAIN/MAIN. 2010. Laporan Bengkel Penyelarasan Isu-isu Pelaksanaan Pensijilan Halal. Bersama antara JAKIM dan JAIN/MAIN. 16-17 Ogos.
- Lokman Ab. Rahman. 2012. Penilaian Terhadap Pelaksanaan Pensijilan Halal Malaysia. Tesis Ph.D., Universiti Malaya.
- Mohd Amri Abdullah & Suhaimi Yusof. 2012. Development of the Halal Certification: add value to the national supply. *Halal International Seminar Program*. 16 Jun.
- Mukhriz. 2011. 70 peratus syarikat ada sijil halal milik bukan bumiputra. *Berita Harian*, 29 Jun, 2011.
- Pazim Othman, Irfan Sungkar & Wan Sabri Wan Hussin. 2009. Malaysia as an Independent Halal Food hub: Competitiveness and Potential of Meat- based Industries. *ASEAN Economic Bulletin* 26 (3): 306-320.

Perbadanan Industri Halal Malaysia. 2013. Presentation to international delegates: Opportunities in halal economy. *HDC*, 14 Januari 2013.

Rozailin Abdul Rahman, Golnaz Rezai, Zainalabidin Mohamed, Mad Nasir Shamsudin & Juwaidah Sharifuddin. 2013. Malaysia as global halal hub: OIC Food Manufacturers' Perspective. *Journal of International Food & Agribusiness Marketing* (1): 154-166.

Van der Spiegel, M., Van der Fels-Klerx, H.J., Sterrenburg, P., Van Ruth, S.M., Scholtens-Toma, I.M.J. & Kok, E.J. 2012. Halal assurance in food supply chains: Verification of halal certificates using audits and laboratory analysis. *Trends in Food Science & Technology* 27 (2): 109-119.